

## **Muhyiddin Berada Di Turki Untuk Majlis Pelantikan Presiden Baharu**

**Bernama**

**August 28, 2014**

**Daripada Abdul Muin Abdul Majid**

ANKARA, 28 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin kini berada di Ankara, ibu negara Turki, untuk mewakili Malaysia pada majlis pelantikan Presiden baharu Turki.

Majlis itu berlangsung pada Khamis yang akan menyaksikan Recep Tayyip Erdogan, yang menjadi perdana menteri selama 11 tahun, dilantik sebagai Presiden Turki yang ke-12.

Pesawat khas yang membawa Muhyiddin mendarat kira-kira pukul 6 pagi Khamis (11 pagi di Malaysia).

Muhyiddin diiringi isteri Puan Sri Norainee Abdul Rahman.

Beliau dijadual menghadiri majlis jamuan rasmi pada Khamis malam selepas majlis itu sebelum berlepas pulang ke tanah air.

Erdogan akan menjadi presiden pertama Turki yang dipilih rakyat berikutan kemenangannya dalam pilihan raya presiden pada 10 Ogos, 2014.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064132>